

Persyarikatan Malaysia semakin diterima

UM 19 FEB 1991

© Mahathir -
M&A Incorporated

KUALA LUMPUR 18 Feb. — Konsep persyarikatan Malaysia yang telah diperkenalkan sejak beberapa tahun lalu kini semakin difahami dan diterima oleh orang ramai, kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut beliau, penubuhan persyarikatan Malaysia itu adalah salah satu usaha mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi negara secara kerjasama antara kakitangan awam dan pihak swasta.

Perdana Menteri seterusnya berkata, kakitangan sektor awam tidak seharusnya merasa rugi kerana perlu bekerjasama rapat dengan swasta sebagaimana yang disarankan dalam konsep tersebut.

Beliau menambah, sungguhpun mereka yang bertanggungjawab meluluskan skim berkenaan tidak akan menerima sebarang ganjaran secara langsung, tetapi pertumbuhan ekonomi terus berkembang pesat, cukai dibayar, manakala kerajaan memperoleh hasil yang lebih tinggi dan boleh membayar gaji kakitangannya dengan lebih memuaskan.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata demikian di dalam rancangan *Wawancara Khas Dengan Perdana Menteri* yang disiarkan oleh Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) malam ini.

Beliau juga berkata, jika seseorang itu berfikir untuk jangka panjang, beliau akan menerima konsep persyarikatan Malaysia itu sebagai satu konsep yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Ditanya sama ada konsep demikian akan mengubah struktur sektor awam, Perdana Men-

teri berkata, pengurangan kakitangan kerajaan kini adalah satu strategi yang perlu diambil untuk meningkatkan pendapatan.

"Untuk meningkatkan pendapatan' kita mestilah efisien dalam menjalankan ekonomi negara seperti menggalakkan pelaburan, aktiviti perniagaan dan kakitangan awam mesti turut sama membantu untuk meningkatkan ekonomi negara untuk kebaikan mereka juga.

"Konsep penswastaan yang dipilih adalah salah satu cara kerajaan untuk mengurangkan bilangan kakitangannya dan pada masa yang sama membolehkan agensi swasta menjadi lebih berkesan," ujar beliau.

Mengenai persoalan agensi kerajaan yang diswastakan menjadi monopoli pihak swasta, Perdana Menteri juga menegaskan, sungguh pun pihak swasta adalah satu entiti persendirian, tetapi mereka tidak lepas dari undang-undang kerajaan."

Oleh itu, katanya, pihak-pihak berkenaan tidak boleh membuat sesuatu sesuka hati mereka.

Mengenai soal gaji, Dato' Sri Dr. Mahathir juga berharap, kakitangan kerajaan seharusnya menerima hakikat bahawa tidak ada persamaan antara sektor swasta dan kerajaan terutamanya dari segi pembayaran gaji.

Beliau meminta kakitangan kerajaan di jabatan-jabatan yang tidak dapat diswastakan supaya tidak kecewa dengan kenaikan gaji besar dan ganjaran lain yang diterima oleh mereka di jabatan yang telah diswastakan.